

06/09/2001

MTUC mahu penyelesaian isu CPF menyeluruh

KUALA LUMPUR, Rabu - Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) mahu Malaysia dan Singapura membuat penyelesaian secara menyeluruh dan segera mengenai kaedah pengeluaran Wang Simpanan Pusat Singapura (CPF) yang membabitkan rakyat Malaysia yang bekerja di republik itu.

Sambil menyambut baik persetujuan Singapura untuk menyelesaikan isu itu, Presiden MTUC, Senator Zainal Rampak berkata, pegawai kedua-dua negara perlu mengatasi segera isu yang membabitkan simpanan RM3 bilion milik rakyat negara ini kerana perkara itu sudah tertunggak begitu lama.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yee mencapai persetujuan bagi menyelesaikan pakej perjanjian yang merangkumi isu CPF.

Berdasarkan keputusan itu, Lee berkata, rakyat Malaysia di Semenanjung yang mencarum kepada CPF boleh mendapatkan wang itu kembali dengan bayaran ansuran dalam tempoh dua tahun.

Isu itu timbul apabila ramai rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura terpaksa meninggalkan negara itu ketika kemerosotan ekonomi pada 1987.

Zainal berkata, pegawai dan kementerian terbabit hendaklah membuat perbincangan secepat mungkin mengenai syarat pembayaran, sama ada dibayar terus kepada pencarum atau dimasukkan ke dalam akaun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Zainal berkata, pegawai berkenaan perlu berbincang dan menyelesaikan isu itu kerana penyimpan CPF telah terlalu lama menunggu mengenai kedudukan simpanan mereka.

Katanya, rakyat Malaysia dari Semenanjung hanya dibenarkan mengeluarkan caruman CPF apabila mencapai umur 50 tahun, manakala pekerja dari Sabah dan Sarawak dibenarkan mengeluarkan simpanan itu sebaik keluar dari negara itu.

Zainal juga berkata, pihaknya memandang serius laporan mengenai kira-kira 45,000 pekerja di negara ini yang didapati positif HIV.

Katanya, jumlah itu terlalu besar dan boleh menjejaskan produktiviti negara.

Sehubungan itu, beliau meminta kerajaan membuat rancangan jangka panjang dan pendek bagi membendung masalah itu kerana membabitkan masa depan pekerja dan ekonomi negara.

Beliau berkata, pengwujudan Kod Amalan Tentang Pencegahan dan Pengurusan HIV/Aids di Tempat Kerja oleh Kementerian Sumber Manusia adalah langkah tepat bagi menangani masalah itu tetapi memerlukan kerjasama majikan dan pekerja.

Majikan pula, katanya, perlu meningkatkan kesedaran mengenai keselamatan dan kesihatan pekerja menerusi pelbagai kempen serta program pendidikan dan latihan.

Semalam, Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn berkata kira-kira 45,000 pekerja di negara ini didapati positif HIV mengikut laporan yang dikeluarkan Kementerian Kesihatan, April lalu.

Dr Fong berkata, jumlah itu hanya yang berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan mendakwa angka sebenar mencecah sehingga 180,000.

Zainal menyarankan kerajaan mewajibkan pemeriksaan kesihatan berkala setiap tiga atau enam bulan kepada pekerja tempatan atau asing bagi mengesan pembawa HIV.

(END)